



HAK ASASI...pelajar bebas memilih calon pilihan.



TUNAI TANGGUNGJAWAB...cuaca panas tidak menghalang pelajar membuang undi di setiap fakulti.

# Pelajar IPTA bijak menilai

HM 25/9/06

Kemenangan besar calon proaspirasi bukti pemilihan wakil MPP berwibawa bela nasib mahasiswa

>>Oleh Siti Azura Abdul Rahman dan Nur Farhana Abdul Manan  
rencana@hmetro.com.my

**K**EMENANGAN besar calon proaspirasi dalam pilihan raya bagi pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sesi 2006/2007 membuktikan kerja kuat dan sentiasa menjaga kebajikan pelajar tidak sia-sia. Keputusan itu juga membuktikan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) mula membuka mata melihat kelebihan barisan proaspirasi dalam melaksanakan tugas berkaitan hal ehwal pelajar universiti

serta tanggungjawab berkaitan. Jika 20 tahun lalu, propembangkang mendominasi kerusi MPP di beberapa IPTA, kini situasi berbeza. Di Universiti Teknologi Mara (UiTM), pilihan raya kali ini menyaksikan calon proaspirasi menyapu bersih 237 kerusi yang dipertandingkan sekali gus mengekalkan tradisi tujuh tahun memonopoli tampuk kepemimpinan MPP. Timbalan Naib Canselor HEP dan Alumni UiTM, Profesor Dr Nasuddin Othman, berkata kematangan pelajar menjadi faktor utama dalam memilih MPP di universiti itu. "Pelajar sebagai pengundi

melaksanakan tanggungjawab mereka dengan membuat penilaian bijak iaitu memilih calon yang cemerlang dalam akademik dan membabitkan diri dalam aktiviti kokurikulum. "Ini menunjukkan pelajar tidak mementingkan jenis kumpulan sama ada calon terdiri daripada pihak proaspirasi atau pembangkang, apa yang penting wakil MPP itu melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dalam membela nasib pelajar," katanya. Menurut Dr Nasuddin, perjuangan MPP 20 tahun lalu berbeza dengan situasi

sekarang apabila objektif wakil pelajar kini lebih menumpukan kepada pembaharuan di universiti. Di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), keputusan turut berpihak kepada kumpulan proaspirasi menyaksikan calon berkenaan membolot 26 daripada 31 kerusi yang dipertandingkan. Dalam pada itu, terdapat juga fakulti yang menamakan calon tanpa melabelkan sama ada mereka proaspirasi atau sebaliknya kerana konsep yang diketengahkan ialah berdasarkan tiket individu. Menjelaskan perkara itu, wakil pelajar Fakulti

Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Hanif Mohsein Mohd Fauzi, 22, percaya kebolehan dan aura kepemimpinan yang ada dalam diri menjadi faktor pemilihan. "Berdasarkan pemerhatian, setiap calon terpilih mempunyai rekod yang baik dalam pembabitkan aktiviti kokurikulum di samping mempunyai kecemerlangan akademik. "Kedua-dua perkara itu penting dalam melahirkan pemimpin yang benar-benar berkemampuan memimpin rakan sebaya selain bertindak sebagai perantara antara pelajar dan pihak pentadbir," katanya.

Sementara itu di universiti lain pengundi masih memberi kepercayaan kepada calon proaspirasi untuk mentadbir dan memimpin pelajar. Di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) saja, kumpulan proaspirasi menang 31 daripada 45 kerusi dipertandingkan. Manakala di Universiti Putra Malaysia (UPM) pula, 38 kerusi dimenangi calon proaspirasi berbanding tujuh pembangkang dan tiga bebas manakala Universiti Malaya (UM), daripada 32 kerusi yang dipertandingkan, 27 dimenangi proaspirasi dan selebihnya dimenangi propembangkang.



**CC**  
Pelajar sebagai pengundi melaksanakan tanggungjawab mereka dengan membuat penilaian bijak iaitu memilih calon yang cemerlang dalam akademik dan membabitkan diri dalam aktiviti kokurikulum"